

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1 Jld 7()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
BIL. 5 TAHUN 2019**

Tarikh : 29 Mei 2019 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi hingga 12.45 tengahari

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN PENGERUSI

Tuan Timbalan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 5/2019. Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan Mei 2019. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.
- ii) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan (menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika) semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Beliau turut memaklumkan bahawa sempena sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri 2019, Majlis Perbandaran Subang Jaya akan membuat kutipan sampah pukal secara percuma mengikut jadual sampah domestik di kawasan perumahan teres sahaja. Kutipan sampah pukal akan dilakukan selama 12 hari mulai 20 Mei 2019 hingga 31 Mei 2019.

Kategori sampah pukal adalah seperti perabot lama, peralatan elektrik lama dan yang seumpamanya. Penduduk diminta agar tidak mencampur-adukkan sampah domestik, sampah kebun dan sampah pukal serta tidak membuang sampah di tempat-tempat yang tidak dibenarkan demi menjaga kebersihan kawasan kediaman masing-masing.

Cara permohonan kutipan sampah pukal percuma adalah seperti berikut :

- 1) Hubungi Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, MPSJ untuk permohonan di talian 03-8026 7433 / 7431 / 3182 / 7430 / 4363.
 - 2) Kontraktor KDEB akan menghubungi pemohon untuk memaklumkan tarikh kutipan.
 - 3) Pemohon meletakkan sampah pukal di hadapan rumah selepas tarikh kutipan dimaklumkan.
- v) Sehingga minggu epid 20 tahun ini, terdapat sebanyak 2942 kes denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MPSJ iaitu meningkat lebih 3 kali ganda berbanding tempoh sama pada tahun 2018. Sempena Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelma tidak lama lagi dijangka ramai penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ akan pulang ke kampung halaman masing-masing untuk berhari raya.
- Sehubungan dengan itu, diminta semua penduduk yang akan pulang ke kampung untuk memastikan sekitar kawasan kediaman masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes supaya tiada jangkitan denggi dikalangan penduduk yang tinggal dan juga apabila pulang dari kampung.
- vi) MPSJ akan mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat MPSJ tahun 2019 seperti butiran berikut:

Tarikh : 21 Jun 2018 (Jumaat) / 17 Syawal 1440H
Masa : 2.45 petang – 5.00 petang

Lokasi : Lobi Utama, Aras 1
Majlis Perbandaran Subang Jaya

Majlis ini merupakan aktiviti tahunan MPSJ bertujuan untuk merapatkan silaturrahim serta mewujudkan kerjasama dan hubungan di antara warga kerja MPSJ, Pengurusan Tertinggi, Ahli-ahli Majlis, rakan sinergi dan juga 'stakeholders'.

- vii) Beliau mewakili pihak Pengurusan dan Warga Kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri yang dijangka akan disambut pada 5 Jun 2019 kepada Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang meraikannya. Semoga sambutan tahun ini akan membawa lebih kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan kita semua. Berhati-hati di jalan raya di musim perayaan.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 04/2019

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 04/2019 yang telah diadakan pada 24 April 2019 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.08/2019 Bertarikh 8 Mei 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.11 & m/s 42	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Membuat Perubahan Material Kegunaan Bangunan Daripada Kediaman Kepada Tadika Di Alamat No.3466, Jalan 18/60, Taman Seri Serdang, Seri Kembangan (Kertas Kerja Bil. 135/08/37/2019)	Beliau memohon penjelasan berkenaan projek ini dan meminta agar sebarang permohonan perlu dimaklumkan kepada Ahli Majlis kawasan kerana dikhuatiri akan menimbulkan aduan di kalangan penduduk setempat. Maklum balas : Tuan Timbalan Yang

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Dipertua memaklumkan bahawa permohonan ini telah diluluskan dalam Jawatankuasa OSC. Walau bagaimanapun, sekiranya permohonan ini menimbulkan aduan di kalangan penduduk setempat, ianya akan dibentangkan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC akan datang bagi perbincangan lanjut.</p> <p>Tindakan : Jabatan OSC</p>

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.09/2019 Bertarikh 23 Mei 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.12 & m/s 99	Encik Tai Cheng Heng	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Tempat Penyimpanan Barang dan Kereta Terbuka Sementara Di Atas GM 379(Lot 2281) Jalan BS 5/27, Taman Serdang Heights, Seri Kembangan (Kertas Kerja Bil. 150/09/37/2019)	Beliau memohon agar permohonan ini ditangguhkan kerana terdapat banyak aduan dan pemohon turut membuat simpanan jentera berat di lokasi. Maklum balas : Tuan Timbalan Yang Dipertua memaklumkan bahawa permohonan ini telah diluluskan dalam

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Jawatankuasa OSC. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dibentangkan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC akan datang bagi perbincangan lanjut. Tindakan : Jabatan OSC

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.05/2019 Bertarikh 8 Mei 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan Dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 05/2019 Bertarikh 9 Mei 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.1.1 & m/s 7	Encik Yap Kok Weng	Projek Jalan Kedua (Second Access) Bukit Tandang.	<p>Beliau ingin tahu tarikh pengiraan semula bagi mendapatkan kos pembinaan secara berfasa dan penyediaan lukisan terperinci bagi pelaksanaan projek tersebut.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Tuan Timbalan Yang Dipertua memaklumkan bahawa Jabatan Kejuruteraan akan melaksanakan kerja-kerja pengiraan di tapak pada pertengahan Jun 2019.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
2.	Para 3.3.10 & m/s 7		Mesyuarat Town Hall di Bandar Puteri	<p>Beliau menanyakan cadangan tarikh Town Hall yang akan diadakan di Bandar Puteri, Puchong.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Tuan Timbalan Yang Dipertua memaklumkan bahawa Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik akan menguruskan program Town Hall tersebut dan dijangka diadakan pada bulan Julai 2019.</p> <p>Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
3.	Para 7.4.1 & m/s 15	Encik Keshmin der Singh a/l K.Karam Singh	Tindakan ke atas pemilik kedai-kedai usang di depan KTM Batu 3	<p>Beliau ingin tahu apakah tindakan pihak Majlis untuk memperbaiki kawasan tersebut?</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Tuan Timbalan Yang Dipertua memaklumkan bahawa tanah tersebut adakah milik individu. Satu perjumpaan di antara pemilik tanah, MPSJ dan Ahli Majlis kawasan akan diadakan bagi membincangkan berkenaan perkara tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.04/2019 Bertarikh 10 Mei 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.3 & m/s 7	Encik Frankie Koh Eng Kee	Semakan aduan JKP Zon 22 mengenai isu turapan jalan oleh kontraktor.	Beliau memaklumkan bahawa semakan berkenaan isu turapan jalan oleh kontraktor bukan hanya dijalankan di JKP Zon 22 sahaja tetapi juga melibatkan kerja-kerja tampalan di JKP yang lain secara rawak. Maklum balas : Tuan Timbalan Yang Dipertua memaklumkan bahawa semakan berkenaan isu turapan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>jalan oleh kontraktor akan dilaksanakan ke atas JKP Zon 22 dan zon lain yang akan dipilih secara rawak.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan / Jabatan Audit Dalam</p>

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 05/2019 Bertarikh 14 Mei 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.05/2019 Bertarikh 16 Mei 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.2 & m/s 3	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Tindakan Penguatkuasaan Secara Bersepadu	<p>Beliau memaklumkan isu peniaga warga asing yang menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan kediaman merupakan isu yang telah lama. Tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan serius perlu diambil bagi memastikan isu ini dapat diselesaikan sepenuhnya.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Tuan Timbalan Yang Dipertua memaklumkan bahawa tindakan bersepadu akan dilaksanakan selepas Hari Raya Aidilfitri. Tindakan akan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>dibuat secara menyeluruh termasuk pengeluaran notis terhadap binaan tanpa kebenaran.</p> <p>Tindakan : Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Bangunan, Jabatan Perancang Bandar</p>
2.	Para 8.11 & m/s 41	Tuan Timbalan Yang Dipertua	Cadangan Pembatalan Lesen Perniagaan Pasar Malam Berlandaskan Laporan Polis ke atas Petisyen Bantahan Bayaran Kutipan Dana RM5.00 / petak / bulan Di	<p>Beliau meminta cadangan pembatalan lesen tersebut dibincangkan dalam mesyuarat.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Mesyuarat memutuskan pembatalan lesen perniagaan Pasar</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Pasar Malam Taman Bukit Kuchai dan Taman Sri Serdang	Malam Taman Bukit Kuchai dan Pasar Malam Taman Sri Serdang. Peniaga juga diminta menandatangani akujanji yang akan disediakan oleh MPSJ. Tindakan : Jabatan Pelesenan

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 04/2019 Bertarikh 16 Mei 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 04/2019 Bertarikh 17 Mei 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA / LAPORAN

6.1 Kertas Cadangan Menerima Pakai Surat Edaran Kerajaan Negeri Selangor Berkaitan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Sempena Hari Raya Aidilfitri 1440/2019 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Kertas cadangan ini disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju bantuan khas kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri 1440/2019 dibayar kepada Ahli Majlis dan warga kerja MPSJ pada 30 Mei 2019.

Tindakan: Makluman

6.2 Kertas Cadangan Penetapan Dasar Bagi Perjanjian Kerja Kutipan dan Pembersihan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya Dengan KDEB Waste Management Sdn. Bhd (KDEBWM)

Kertas cadangan ini disediakan oleh Jabatan Pengurusan Alam Sekitar dan dibentangkan oleh Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat telah bersetuju menerima kertas kerja yang dibentangkan dengan keputusan seperti berikut :

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN MESYUARAT
1.	Fi Perkhidmatan Disemak Semula Setiap 2 Tahun	Majlis menerima cadangan KDEBWM supaya kajian semula fi perkhidmatan dilaksanakan setiap 2 tahun.
2.	Pemotongan Bon Pelaksanaan Sekiranya Purata Prestasi Perkhidmatan KDEBWM Di Bawah 80%	Majlis menolak cadangan KDEBWM supaya tiada pemotongan bon pelaksanaan memandangkan tiada pertindihan dengan jumlah pemotongan fi perkhidmatan bulanan.
3.	Tempoh Pelanjutan Kontrak KDEBWM	Majlis menolak cadangan KDEBWM untuk meletakkan

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN MESYUARAT
		<p>klausa pelanjutan tempoh selepas tamat kontrak 7 tahun di mana Majlis bersetuju untuk mengekalkan tempoh tujuh (7) tahun sahaja tanpa sebarang pelanjutan tempoh.</p>
4.	<p>Memperhalusi Kaedah Pengeluaran Notis Tindakan Pembetulan (NTP)</p>	<p>Majlis menolak cadangan KDEBWM supaya memperhalusi kaedah pengeluaran Notis Tindakan Pembetulan (NTP) dan mengekalkan kaedah pengeluaran NTP sedia ada.</p>
5.	<p>Potongan Bagi Kos Pengurusan Sekiranya Kerja-Kerja 'Back-Up' Dilaksanakan Oleh Majlis</p>	<p>Majlis menolak cadangan KDEBWM supaya tidak dikenakan potongan bagi kos pengurusan sekiranya kerja-kerja 'back-up' dilaksanakan oleh Majlis. Majlis bersetuju untuk kadar potongan adalah sebanyak dua puluh peratus (20%) daripada kos pembayaran kontraktor 'back up'.</p>
6.	<p>Kuasa Penamatan KDEBWM</p>	<p>Majlis menolak cadangan KDEBWM untuk semua kuasa penamatan adalah tertakluk</p>

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN MESYUARAT
		kepada arahan dan persetujuan Kerajaan Negeri memandangkan liabiliti kontrak hanya di antara Majlis dan KDEBWM sahaja dan kuasa penamatan adalah hak mutlak pihak di bawah perjanjian

**Tindakan: Jabatan Pengurusan Alam Sekitar /
Jabatan Undang-Undang**

7.0 PENUTUP

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.50 tengahari.

Tarikh Disediakan : 30 Mei 2019

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD FADZIL BIN MAHAT), A.M.N., A.M.S.

Pengarah Perbendaharaan

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Yang Dipertua

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|-------------------------|
| 1. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua | - | Pengerusi
Mesyuarat |
| 2. | Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | “ |
| 5. | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | ” |
| 6. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | ” |
| 7. | Encik M Anbarasan a/l Murugesu | - | ” |
| 8. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | ” |
| 9. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | ” |
| 10. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | ” |

11.	Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman	-	"
12.	Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh	-	"
13.	Encik Thomas Low Yew Sin	-	"
14.	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	-	"
15.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
16.	Encik Chia Yew Ken	-	"
17.	Encik Tai Cheng Heng	-	"
18.	Encik Thamilarasu Sandayan	-	"
19.	Encik Wong Yii Seang	-	"
20.	Puan Lee Jen Uyin	-	"
21.	Puan Ng Seow Chen	-	"
22.	Encik Koh Eng Kee	-	"
23.	Dato' Kamaruzaman bin Ibrahim	-	"
24.	Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan

2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

3. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

4. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

5. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan

6. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang

7. Sr. Aida binti Omar, MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil

9. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan

10. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

11. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC

12. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan

13. Puan Rosmawati binti Zainuddin, A.I.S
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

14. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam

15. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

16. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

17. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

18. Encik Mohd Yusnaidi bin Salleh
Penolong Pengarah, Jabatan COB
19. Cik Norzahirawaty binti Sihat
Pegawai Kesihatan Persekitaran, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
20. Puan Nabila Amalina binti Mohd Hamid
Juru Ukur Bahan, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua
2. Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi - Ahli Majlis
3. Encik Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
4. Puan Hjh Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
5. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan

6. Sr. Mohd Marwan bin khalilludin
Pengarah, Jabatan COB

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan